

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 4/2/2016

Muka surat: 11

Tajuk : Plan Strategik UNIMAS 2016-2020 dilancarkan

## Plan Strategik UNIMAS 2016-2020 dilancarkan

KUCHING: Pelan Strategik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk 2016-2020 telah berjaya dilancarkan semalam.

Idea dan inspirasi pelan tersebut telah melalui beberapa siri keterlibatan staf dari pelbagai peringkat dan kategori serta dimumkan dalam beberapa siri perbincangan.


Menurut Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato' Mohamad Kadim Suaidi, pelan tersebut dibina atas aspirasi dan fokus yang jelas untuk membawa UNIMAS ke arah kecermerlangan yang berkekalan.

"Pelan Strategik UNIMAS 2016-2020 digubal berlatarbelakangkan keunikan UNIMAS di Malaysia dan Borneo dan sumbangan universiti yang berterusan dalam membantu menjamin kelestarian komuniti pelbagai dan terpisah.

"Asas pendekatan ini bukanlah sesuatu yang baharu di UNIMAS dan saban hari, kita sudah lazim memberikan perhatian dan pemahaman kepada pentingnya kerellevanan pengembangan ilmu dan kepakaran universiti untuk pelbagai komuniti dalam dan luar negara," ujarnya.

Beliau berucap demikian semasa menyampaikan Amanat Naib Canselor 2016 yang berlangsung di Arena Gamilang DeTAR Putra UNIMAS semalam.

Jelas beliau, pelan tersebut mempunyai empat fokus strategik iaitu, Kecemerlangan dalam Pendidikan dan Latihan, Kecermerlangan dalam Ekosistem Inovasi, Keso-



**SIMBOLIK PELANCARAN ...** Datu Hatta Solhi (kiri) dan Prof Dato' Mohamad Kadim Suaidi (Kanan) menandatangani poster Pelan Strategik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 2016-2020.

horan Global dan Portfolio Kewangan Lestari.

"Pelan ini selain empat fokus strategi tersebut, turut didukung oleh 13 komitmen dan 24 inisiatif.

"Pemantauan dan pengukuran setiap inisiatif akan dilaksanakan melalui sistem data bersepadu yang dibangunkan oleh Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Kualiti (SQC)," katanya.

Dalam ucapannya beliau turut mengumumkan bahawa Pusat Pen-

gajian Bahasa telah diberi kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 30 Disember tahun lalu, untuk dijenamakan semula.

"Penjenamaan ini turut memberikan fungsi tambahan pusat tersebut sebagai Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi.

"Penubuhan fakulti ke-9 ini tepat pada masa dan selari dengan keperluan semasa serta tumpuan Kerajaan Negeri tentang penekanan kemahiran dalam bahasa Inggeris,"

ujarnya.

Justeru, menurut beliau, UNIMAS bersama TEGAS telah secara bersama memberi tumpuan kepada STEEM -Science, Technology, Engineering, English and Mathematics.

Turut hadir, Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Hatta Solhi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman dan tetamu kehormat Iqin. — Naffais Den

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat